

0268

B B428 DEB  
MAHATHIR R R R

LABUAN, 11 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN PARA ANGGOTA UMNO BAHAWA KINI TIBA MASANYA UNTUK MEREKA BERSATU SEMULA.

KATANYA, +SEKARANG TIDAK ADA TEAM A, TIDAK ADA TEAM B. YANG ADA HANYA TEAM UMNO.+

SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN KIRA-KIRA 100 ORANG PEMIMPIN BAHAGIAN DAN CAWANGAN UMNO LABUAN DI SINI PETANG INI, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYATAKAN KESAL KERANA PERPECAHAN YANG BERLAKU DI DALAM PARTI ITU SEMASA PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN APRIL LEPAS.

KATANYA, KINI MASIH ADA ANGGOTA-ANGGOTA YANG TIDAK MAHU MENERIMA HAKIKAT SELEPAS PERTANDINGAN SEHINGGA ADA YANG SANGGUP MENGAMBIL TINDAKAN MAHKAMAH UNTUK MENCADAR KEPUTUSAN PEMILIHAN PARTI. - LAGI.  
1859MST 11 09 87

B B429 DEB  
MAHATHIR 2 LABUAN R R R

BELIAU MENYIFATKAN ANGGOTA-ANGGOTA SEDEMIKIAN SEBAGAI TIDAK-MEMPUNYAI SEMANGAT UMNO YANG KINI MEMPUNYAI 1.4 JUTA ANGGOTA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA TIDAK GUNA SEBUAH PARTI MEMPUNYAI RAMAI ANGGOTA TETAPI IA LEMAH KERAMA WUJUD PERPECAHAN DALAM PARTI.

BELIAU MENEGASKAN SEBARANG MASALAH JIKA ADA, HENDAKLAH DISELESAIKAN DI SEMUA PERINGKAT PARTI SAMA ADA OLEH MAJLIS TERTINGGI, BADAN PERHUSUNGAN DAN BAHAGIAN.

PERDANA MENTERI BERHARAP PADA MASA AKAN DATANG JIKA BERLAKU PERTANDINGAN, TIDAK ADA LAGI KEMPEN-KEMPEN UNTUK MEMENANGKAN SESEORANG KERANA MELALUI KEMPEN-KEMPEN KOTOR, SOGOKAN AKAN BERLAKU.

KATANYA, DENGAN ADANYA SOGOKAN, SESEORANG ITU BOLEH DIJUAL-BELI DAN NATIJAHNYA PARTI SENDIRI JUGA BOLEH DIJUAL KEPADA ORANG LAIN JIKA ANALAN INI DIBIARKAN BERTERUSAN. - LAGI.

1907MST 11 09 87

B B430 DEB  
MAHATHIR 3 LABUAN R R R

KATANYA, JIKA UMNO TERJUAL KUASANYA AKAN HILANG DAN APABILA KEHILANGAN KUASA SUKARLAH UNTUK MEMPEROLEHINYA SEMULA SEPERTI YANG BERLAKU DI SABAH APABILA ORANG ISLAM YANG BERKUASA PADA SUATU MASA DAHULU TIDAK MENGGUNAKANNYA DENGAN BAIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH, BELIAU BANYAK MENERIMA SURAT DAN ADUAN KONONNYA ORANG-ORANG ISLAM DI SABAH TERTEKAN TETAPI ITU HANYA KEMUNGKINAN DAN BEGITULAH APABILA KEHILANGAN KUASA.

KATANYA, UMNO INGIN KUASA ITU DAN INGIN BERLAKU ADIL KEPADA SEMUA RAKYAT DI NEGARA INI TANPA MENYALAHGUNAKAN KUASA UNTUK KEPENTINGAN DIRI.

BELIAU BERHARAP, SEMUA ANGGOTA UMNO KHUSUSNYA DI LABUAN MEMAHAMI FALSAFAH DAN TUJUAN UMNO DAN BERJANJI DENGAN HATI SENDIRI UNTUK BERPEGANG KEPADA SEGALA PERATURAN DAN PERJALANAN PARTI. - LAGI.

1909MST 11 09 87

B 8436 DEB  
MAHATHIR 4 LABUAN R R R

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN BARISAN NASIONAL LABUAN.

KETIKA BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS PERJUMPAAN ITU, KATANYA BELIAU TELAH MENERANGKAN TENTANG KONSEP BN DAN BETAPA PENTINGNYA PEMIMPIN-PEMIMPION BN MENEURANGKAN SALAH-FAHAM DI ANTARA MEREKA.

KATANYA, MEREKA TIDAK PATUT TERLALU GOPOH MEMBUAT KENYATAAN-KENYATAAN MENGENAI PERKARA YANG MUNGKIN MENYINGGONG ANGGOTA-ANGGOTA LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BN LABUAN TELAH MENGEMUKAKAN MASALAH PENTADBIRAN LABUAN DAN BELIAU BERJANJI UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN SETELAH MENGAJAI SEBAB-SEBAB MASALAH ITU BERLAKU.

PADA 12 OGOS LALU, 10 DARIPADA 13 ANGGOTA MAJLIS PERBANDARAN LABUAN (MPL) YANG TERDIRI DARIPADA WAKIL-WAKIL BN TELAH MENGEMUKAKAN UNDI TIDAK PERCAYA TERHADAP PRESIDEN MPL ENCIK KAMARUDDIN IDRIS KERANA DIKATAKAN MENGENEPIKAN MEREKA DALAM ISU-ISU PENTING. - LAGI.

1912MST 11 09 87

D279

B 8437 DEB  
MAHATHIR 5 LABUAN R R R

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN MENGAJAI DAN MEMIKIRKAN CARA-CARA UNTUK MENGATASI MASALAH ITU. BAGAIMANAPUN BELIAU ENGGAN NENGULAS MENGENAI UNDI TIDAK PERCAYA TERSEBUT.

YANG TURUT HADIR DALAM KEDUA-DUA PERJUMPAAN ITU IALAH MENTERI PERTANIAN YANG JUGA SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK SERI SANUSI JUNID, MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DAN KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ DAN MENTERI PERUSAHAAN AWAM, DATUK NAPSIAH OMAR.

TURUT MENYERTAI ROMBONGAN PERDANA MENTERI IALAH MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH DATUK DR SULAIMAN DAUD DAN KETUA UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN HAJI ABDUL RAZAK HAJI ABU SAMAH. - BERNAMA.

1920MST 11 09 87